Bahasa Melayu

Nama : .....

SISTEM BAHASA – BHG B

Praktis 1

*Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.*

menebas menggantikan memulihkan dilonggokkan
menyalin mencantas memasukkan membersihkan
digantung memotong dihimpunkan mengumpulkan

Jes dan ayahnya _____ kawasan luar rumah mereka. Ayah Jes _____ rumput yang mulai panjang. Jes pula menyapu sampah sarap di sekeliling rumah. Mereka _____ rumput rampai dan sampah sarap ke dalam karung plastik hitam. Kakaknya pula menghias ruang beranda. Mereka _____ pasu bunga yang sedia ada dengan pasu bunga yang baharu. Bunga kaktus pelbagai bentuk dan warna turut diletakkan di atas meja luar. Pasu–pasu bunga jenis berjuntai pula _____ menggunakan tali yang dianyam. Rumah Jes dan keluarganya kelihatan ceria dan cantik.

(b) *Nyatakan* **betul** *atau* **salah** *bagi ayat–ayat di bawah ini.*

1. Nurin menampal sekeping plaster kalis air pada luka di ibu jarinya. _____
2. Hajjah Fatimah memiliki sepuluh biji rumah sewa di Taman Maluri. _____
3. Beberapa untai tasbih kelihatan tergantung kemas di tepi rak. _____
4. Kapal Titanic tenggelam kerana terlanggar seketul ais. _____
5. Seekor arnab sedang makan sebiji lobak merah. _____

LIVEWORKSHEETS

Praktis 2

*Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah ini.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| mengelakkan | sebelum | setelah | terlepas |
| sokongan | dan | atau | terganggu |

Hobi menanam pelbagai jenis pokok bunga sudah sebati dengan diri Fatimah. _____ melihat kesungguhan dan minat Fatimah, ayahnya membina sebuah rumah lindungan tanaman sebagai tanda _____. Rumah itu dapat _____ tanaman daripada rosak akibat hujan lebat. Selain itu, sistem pengudaraan yang baik di dalam rumah itu dapat memastikan kerja menanam pokok bunga tidak _____ ketika cuaca sejuk _____ panas.

*Tandakan* ( √ ) *pada ayat yang betul atau* ( X ) *pada ayat yang salah.*

(i) Adam tersangat gembira apabila dibenarkan keluar dari hospital. (  )

(ii) Antara mereka bertiga, Rahimahlah yang paling kuat berlari. (  )

(iii) Rumah banglo di atas bukit itu amat sungguh besar. (  )

(iv) Tali yang dibawa oleh Pak Kudin paling panjang. (  )

(v) Ayah bangga sungguh dengan keputusan ujian saya. (  )

LIVEWORKSHEETS